1 Julai 2011
1 July 2011
P.U. (A) 222

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) 2011

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (VARIATION OF, AND ADDITION TO, THE CONSTITUTION) (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) ORDER 2011

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan leh perenggan 26*(b)* Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Sains Malaysia) 2011** dan disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2009.

Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual

2. Peruntukan Perlembagaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dipinda mengikut cara yang diperihalkan dalam ruang (2) bagi maksud pemakaiannya bagi Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

JADUAL

(1) *Peruntukan Perlembagaan*	(2) *Perihalan pengubahan dan penambahan*
1. Seksyen 2	Gantikan dengan yang berikut:
- subseksyen (1)	"(1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— "ahli akademik" ertinya seseorang yang dilantik menjadi pengajar atau penyelidik oleh Lembaga mengikut Perlembagaan ini, dan termasuklah profesor, profesor madya, fellow penyelidikan, fellow, penolong profesor, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan tutor; "Akta" ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*]; "Alumni Universiti" ertinya Alumni Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 36;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Bursar" ertinya ketua pegawai kewangan Universiti, dengan apa nama jua pun dipanggil, dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"Dewan Perundingan Pelajar" ertinya satu forum yang ditubuhkan mengikut seksyen 64;

"fellow pascakedoktoran" dalam konteks subseksyen 76(4) ertinya seseorang di bawah kontrak bagi perkhidmatan dengan Universiti bagi melaksanakan fungsi penyelidikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti;

"Hari Penubuhan" ertinya tarikh mula berkuat kuasa Perintah Perbadanan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 6 Akta;

"Jawatankuasa Pengurusan Universiti" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

"Juruaudit Dalaman" ertinya pegawai Universiti sepenuh masa yang dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"Kampus Cawangan" ertinya kampus yang ditubuhkan di bawah perenggan 12(1)*(c)* Akta yang merupakan tempat atau lokasi tambahan kepada Kampus dalam Universiti dan mempunyai Ketua Cawangan mengikut seksyen 14;

"Ketua Pustakawan" ertinya ketua perpustakaan atau pusat sumber maklumat Universiti, dengan apa nama jua pun dipanggil, dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"Konvokesyen" ertinya Konvokesyen yang diadakan mengikut seksyen 75;

"kursi" ertinya jawatan profesor sebagai pemegang kursi;

"Lembaga" ertinya Lembaga Gabenor Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 18;

"Majlis Perwakilan Pelajar" ertinya badan perwakilan pelajar yang dipilih mengikut seksyen 70;

"Pegawai" ertinya Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, ketua Kampus Cawangan, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan, Juruaudit Dalaman, Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian, ketua Institut, ketua

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Pusat Akademik, ketua Pusat Penyelidikan atau ketua Akademi atau pemegang apa-apa jawatan yang diwujudkan melalui statut atau selainnya;

"Pegawai Aduan" ertinya pegawai Universiti sepenuh masa yang dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"pekerja" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut ;

"pelajar" ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di institusi bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, pascaijazah atau pascakedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau daripada Universiti dan termasuk pelajar pengajian jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

"Penasihat Undang-Undang" ertinya pegawai undang-undang utama Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"Penaung" ertinya Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan fungsinya di bawah seksyen 10;

"Pendaftar" ertinya ketua pegawai pentadbir Universiti dengan apa jua nama dipanggil yang dilantik di bawah subseksyen 15(3);

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 19(1);

"pensyarah pelatih" dalam konteks subseksyen 76(4) ertinya seseorang di bawah kontrak bagi perkhidmatan dengan Universiti untuk melanjutkan pengajian siswazah di bawah skim latihan akademik untuk berkhidmat sebagai ahli akademik Universiti pada masa hadapan mengikut terma dan syarat kontrak;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Sains Malaysia;

"Pihak Berkuasa" ertinya mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang disebut dalam seksyen 17, dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan melalui statut;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"statut", "kaedah-kaedah" dan "peraturan-peraturan" ertinya statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dibuat mengikut Perlembagaan ini;

"Universiti" ertinya Universiti Sains Malaysia.".

2. Seksyen 3 — Gantikan dengan yang berikut:

"**Kewujudan berterusan Universiti sebagai pertubuhan perbadanan**

3. (1) Universiti Sains Malaysia ialah pertubuhan perbadanan yang sama yang ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Perintah (Perbadanan) Universiti di Pulau Pinang 1971 [*P.U. (A) 383/1971*] dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia [*P.U. (A) 107/1998*].

(2) Walaupun Perlembagaan Universiti Sains Malaysia dimansuhkan oleh seksyen 83, pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan di bawah nama "Universiti Sains Malaysia" dan Canselor, Pro-Canselor, Naib Canselor, Lembaga dan Senat yang ditubuhkan dalamnya hendaklah terus wujud di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini.

(3) Universiti Sains Malaysia hendaklah kekal turun-temurun, dan terus mempunyai kuasa penuh di bawah nama itu—

(a) untuk membawa guaman dan dibawa guaman dalam semua mahkamah;

(b) untuk mempunyai dan menggunakan suatu meterai perbadanan dan dari semasa ke semasa memecahkan, menukar, mengubah dan membaharui meterai itu yang difikirkannya patut;

(c) bagi maksud Perlembagaan ini, dan tertakluk kepada statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan untuk membeli apa-apa harta sama ada harta alih atau harta tak alih, dan mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta tersebut yang mungkin terletak hak padanya oleh sebab pembelian itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) untuk menjual, menggadaijanjikan, memajakkan, menukar atau selainnya melupuskan mana-mana harta itu; dan

(e) untuk menjalankan dan melaksanakan mengikut peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, semua kuasa dan kewajipan yang diberikan atau dipertanggungkan ke atas Universiti oleh peruntukan sedemikian itu.".

3. Seksyen 4 Gantikan dengan yang berikut:

"**Kuasa Universiti**

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Universiti hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

(a) untuk menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan bagi penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak bagi kemajuan dan penyebaran pengetahuan;

(b) untuk menentukan kriteria dan kelayakan untuk menerima masuk pelajar untuk kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan dan untuk memilih pemohon untuk kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan itu;

(c) untuk mengiktiraf ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain institusi pengajian tinggi yang lain bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga pengurniaan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain tersebut kepada siswazah Universiti mengikut syarat yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah;

(d) untuk memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuklah ijazah luar yang lain, kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti dan telah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

memenuhi apa-apa kehendak lain yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah;

(e) untuk memberikan ijazah kepada ahli akademik Universiti yang telah memenuhi apa-apa kehendak yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah;

(f) untuk mengurniakan anugerah profesor emeritus atau ijazah kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;

(g) untuk memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana bidang pengetahuan;

(h) untuk mengadakan kursi, jawatan profesor, jawatan pensyarah dan jawatan lain dan jabatan, dan membuat pelantikan bagi jawatan dan jabatan itu;

(i) untuk menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku dan bahan lain;

(j) untuk mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud Universiti, di dalam atau di luar Malaysia;

(k) untuk mengadakan dan mengurniakan *fellowship*, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, kepujian, kurniaan lain dan jenis bantuan lain ke arah kemajuan dan penyebaran pengetahuan;

(l) untuk mengawal selia dan mengawal, pendapatan dan perolehan Universiti selain bantuan wang;

(m) untuk menentukan, menuntut dan menerima fi pelajar dan apa-apa fi lain yang boleh ditentukan dari semasa ke

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

semasa melalui peraturan-peraturan dan apa-apa arahan am mengenai pendidikan tinggi di bawah seksyen 3 Akta;

(n) untuk melabur dalam tanah atau sekuriti (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), apa-apa wang yang terletak hak padanya sebagai derma kekal sama ada bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu dan mendepositkan dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia sama ada dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa;

(o) untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pekerjanya;

(p) untuk memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Lembaga;

(q) untuk menjalankan penyelidikan yang bersifat komersial bagi pemajuan, penggunaan dan pengkomersialan berkesan dapatan penyelidikannya dan mendaftarkan serta menyenggara paten, cap dagangan dan hak harta intelek yang lain;

(r) untuk membuat kontrak, melantik pekerja dan menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Universiti;

(s) untuk mengadakan jawatan dan kedudukan yang dikehendaki bagi menjalankan fungsi pekerja akademik dan sokongan;

(t) untuk mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuklah skim perkhidmatan, tangga gaji, insentif, kenaikan pangkat,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib;

(u) untuk menubuhkan skim pencen atau skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerjanya, dan membuat perkiraan dengan pertubuhan atau orang lain bagi menubuhkan skim itu;

(v) untuk melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti dan menimbangkan rayuan daripada mana-mana pekerja yang terkilan dengan penjalanan kuasa untuk melantik dan menaikkan pangkat itu;

(w) untuk menyediakan dan mengawal selia tempat tinggal dan kebajikan pekerja dan pelajar Universiti;

(x) tertakluk kepada undang-undang bertulis lain, untuk mengawal selia tatatertib pekerja dan pelajar;

(y) tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perlembagaan ini, untuk membuat, membatal atau meminda apa-apa statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan

(z) untuk melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah Perlembagaan ini.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati, dengan tujuan hendak mengekalkan dan memajukan perhubungan luar negeri Malaysia, adalah perlu supaya suatu ijazah kehormat dikurniakan kepada seseorang pembesar luar negeri, atas arahan Yang di-Pertuan Agong, Universiti hendaklah mengurniakan ijazah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Bagi mengelakkan keraguan—

(a) kuasa di bawah perenggan (1)*(h), (i), (j), (l), (m), (n), (o), (p)* dan *(r)* hingga *(y)* hendaklah dijalankan oleh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Lembaga;

(b) kuasa di bawah perenggan (1)*(a),* hingga *(e)* dan *(g)* hendaklah dijalankan oleh Senat; dan

(c) kuasa di bawah perenggan (1)*(f), (k), (q)* dan *(z)* hendaklah dijalankan bersesama oleh Lembaga dan Senat.".

4. Seksyen 4A — Nomborkan semula sebagai seksyen 5.

- subseksyen (2) — Gantikan perkataan "4B" dengan perkataan "6".

5. Seksyen 4B — Nomborkan semula sebagai seksyen 6.

- subseksyen (1) — Gantikan perkataan "perenggan 4A(1)*(c)* dengan perkataan "perenggan 5(1)*(c)*".

- subseksyen (8) — Gantikan dengan yang berikut:

"(8) Tertakluk kepada apa-apa sekatan atau had yang dinyatakan oleh Lembaga dalam setiap hal, tiap-tiap Perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan 5(1)*(c)*—

(a) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga kepada perbadanan itu;

(b) hendaklah kekal turun-temurun;

(c) hendaklah mempunyai meterai perbadanan;

(d) boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya;

(e) boleh membuat kontrak;

(f) boleh memegang, dan membuat apa-apa urusan mengenai atau dengan, apa-apa harta alih atau tak alih; dan

(g) boleh membuat segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan Perlembagaan ini.".

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

- subseksyen (9) — Gantikan dengan yang berikut:

" (9) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan, yang hendaklah mengandungi apa-apa tanda yang ditentukan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.".

- subseksyen (11) — Gantikan perkataan "UNIVERSITI..." dengan perkataan "UNIVERSITI SAINS MALAYSIA".

- subseksyen (13) — Dalam teks bahasa Inggeris, gantikan dengan yang berikut:

" (13) All deeds, documents and other instruments purporting to be sealed with the seal, authenticated as provided in subsection (12), shall be deemed to have been validly executed until the contrary is proved.".

6. Seksyen 4C — Nomborkan semula sebagai seksyen 7.

Gantikan dengan yang berikut:

"Penjalanan pengajian, dsb., bersama-sama, dsb., dengan mana-mana universiti

7. (1) Universiti boleh, dengan kelulusan Menteri, menjalankan apa-apa kursus pengajian atau program latihan secara bersesama atau bersekutu, gabungan, usaha sama atau selainnya, dengan mana-mana Universiti atau institusi pengajian tinggi atau institusi pelajaran atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia.

(2) Subsekyen (1) tidaklah terpakai kepada apa-apa kursus jangka pendek atau program latihan yang disediakan atau dikendalikan oleh Universiti yang tidak membawa kepada penganugerahan ijazah atau diploma.".

7. Seksyen 5 — Nomborkan semula sebagai seksyen 8.

Gantikan dengan yang berikut:

"Pembezaan kerana ras dan kepercayaan dilarang

8. Tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, keanggotaan Universiti, sama ada sebagai pekerja, pegawai atau pelajar, adalah terbuka kepada semua orang tidak kira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas; dan tiada apa-apa ujian mengenai kepercayaan atau penganutan agama boleh dilakukan atau diadakan untuk memberikan hak kepada mana-mana orang untuk diterima menjadi anggota atau untuk mengurniakan kepada

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

seseorang apa-apa ijazah atau diploma Universiti, dan juga tiada apa-apa jua *fellowship*, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah atau kepujian atau kurniaan lain boleh dihadkan kepada orang daripada sesuatu jantina, ras, agama, bangsa atau kelas yang tertentu jika belanja baginya dibayar daripada dana am Universiti.".

8. Seksyen 6 — Nomborkan semula sebagai seksyen 9.

- subseksyen (3A) dan (4) — Nomborkan semula sebagai subseksyen (4) dan (5) masing-masingnya.

- subseksyen (5) — Gantikan dengan yang berikut:

"(6) Apa-apa dokumen atau surat cara yang tidak dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang demikian itu oleh Universiti dengan syarat bahawa dokumen atau surat cara itu hendaklah disempurnakan bagi pihak Universiti oleh seorang pegawai atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Lembaga.".

9. Seksyen 10 baru — Masukkan yang berikut:

"Penaung

10. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Penaung Universiti.

(2) Penaung hendaklah, dari semasa ke semasa, menerima laporan daripada Canselor berkenaan dengan pencapaian visi dan misi Universiti.

(3) Penaung adalah berhak, atas permintaannya, kepada apa-apa maklumat berkenaan dengan Universiti yang boleh didapati oleh Universiti.".

10. Seksyen 7 — Nomborkan semula sebagai seksyen 11.

11. Seksyen 8 — Nomborkan semula sebagai seksyen 12.

12. Seksyen 9 — Nomborkan semula sebagai seksyen 13.

Gantikan dengan yang berikut:

"Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor

13. (1) Maka hendaklah ada seorang Naib Canselor yang hendaklah dilantik oleh Menteri selama tempoh tiga tahun, atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Lembaga.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Setelah habis tempoh pelantikan itu, seseorang Naib Canselor layak untuk dilantik semula.

(3) Menteri boleh menamatkan pelantikan Naib Canselor pada bila-bila masa dan hendaklah menyatakan sebab bagi penamatan itu.

(4) Naib Canselor hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti dan hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga dan Senat.

(5) Naib Canselor hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini menjalankan pengawasan am ke atas semua perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti, dan boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

(6) Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan bagi Naib Canselor hendaklah ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, dan hendaklah mengikat Universiti.

(7) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Naib Canselor yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor, daripada kalangan orang yang layak dan patut dari dalam atau luar Universiti, atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor, dan Universiti hendaklah terikat dengan pelantikan, terma dan syarat itu.

(8) Jika bagi sesuatu tempoh yang lama, jawatan Naib Canselor kosong, atau Naib Canselor tidak berupaya oleh sebab sakit, cuti atau apa-apa sebab lain untuk menjalankan mana-mana daripada fungsi jawatannya, Timbalan Naib Canselor atau, jika ada lebih daripada seorang Timbalan Naib Canselor, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi itu; dan sekiranya semua jawatan Timbalan Naib Canselor kosong atau semua Timbalan Naib Canselor, tidak berupaya oleh sebab sakit, cuti atau apa-apa sebab lain, Menteri hendaklah membuat

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

apa-apa perkiraan sementara yang difikirkannya patut bagi penjalanan fungsi itu.".

13. Seksyen 9A — Nomborkan semula sebagai seksyen 14.

Gantikan dengan yang berikut:

"Ketua Kampus Cawangan

14. (1) Jika suatu Kampus Cawangan ditubuhkan di bawah subseksyen 12(1) Akta, maka hendaklah ada seorang ketua Kampus Cawangan yang hendaklah dilantik—

(a) oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri, sekiranya Kampus Cawangan di dalam Malaysia; atau

(b) oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor, sekiranya Kampus Cawangan di luar Malaysia.

(2) Ketua Kampus Cawangan boleh dikenali dengan apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan ketua Kampus Cawangan yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah ditentukan oleh pihak berkuasa pelantikan selepas berunding dengan Naib Canselor.

(4) Ketua Kampus Cawangan hendaklah menjadi pegawai eksekutif, pentadbiran dan akademik utama Kampus Cawangan itu dan hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya di bawah arahan dan kawalan Naib Canselor.".

14. Seksyen 10 — Nomborkan semula sebagai seksyen 15.

Gantikan dengan yang berikut:

"Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman

15. (1) Hendaklah ada seorang Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman yang hendaklah menjadi pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa dan kewajipan yang ditetapkan melalui statut.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman boleh dikenali dengan apa-apa nama lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, terma dan syarat lain pelantikan bagi Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah ditetapkan oleh Lembaga.".

15. Seksyen 11 — Nomborkan semula sebagai seksyen 16.

Gantikan dengan yang berikut:

"Dekan, ketua dan pegawai lain

16. (1) Hendaklah ada seorang Dekan bagi setiap Fakulti atau Pusat Pengajian dan seorang ketua bagi setiap Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi yang dilantik mengikut subseksyen 29(4), (5) dan (6).

(2) Universiti boleh melantik pegawai lain yang ditetapkan melalui statut.".

16. Seksyen 12 — Nomborkan semula sebagai seksyen 17.

- subseksyen (1) — Gantikan dengan yang berikut:

"(1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dengan apa-apa jua nama disebut, Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan, Akademi, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pekerja, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan badan lain yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.".

- subseksyen (3) — Potong perkataan "Kedua".

17. Seksyen 13 — Nomborkan semula sebagai seksyen 18.

Gantikan dengan yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Lembaga Gabenor

18. (1) Lembaga Gabenor hendaklah terdiri daripada—

(a) Pengerusi;

(b) Naib Canselor;

(c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;

(d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti itu;

(e) dua orang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 24(1)*(d)*;

(f) empat orang—

(i) dua daripadanya hendaklah daripada sektor swasta atau badan profesional;

(ii) seorang daripada Alumni Universiti; dan

(iii) seorang dari dalam atau luar Universiti,

yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

(2) Timbalan Naib Canselor, ketua-ketua Kampus Cawangan, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, setiap ahli yang dilantik di bawah perenggan (1)*(c)* boleh melantik seorang ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Lembaga jika ahli itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai ahli Lembaga.".

18. Seksyen 14 — Nomborkan semula sebagai seksyen 19.

Gantikan dengan yang berikut:

"Peruntukan berhubung dengan Lembaga

19. (1) Pelantikan ahli Lembaga, kecuali ahli yang dilantik di bawah perenggan 18(1)*(e)*, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dengan syarat bahawa Menteri boleh menamatkan pelantikan itu dengan menyatakan sebab bagi penamatan itu.

(2) Setelah habis tempoh pelantikan itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula.

(3) Pelantikan ahli di bawah perenggan 18(1)*(c), (d)* dan *(f)* hendaklah dibuat oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi Lembaga.

(4) Tempoh ahli yang dilantik di bawah perenggan 18(1)*(e)* hendaklah bagi selama tempoh keanggotaannya dalam Senat.

(5) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(6) Pengerusi dan empat ahli lain tidak termasuk ahli *ex-officio* Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(7) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Menteri.

(8) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, mengundang wakil kesatuan atau persatuan pekerja pentadbiran Universiti, dan wakil Dewan Perundingan Pelajar untuk menghadiri mesyuarat Lembaga.

(9) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.".

19. Seksyen 15 — Nomborkan semula sebagai seksyen 20.

20. Seksyen 16 — Nomborkan semula sebagai seksyen 21.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

- perenggan 3*(d)* — Dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "pelajaran" dengan perkataan "pengajian".

- perenggan 3*(e)* — Gantikan dengan yang berikut:

"*(e)* memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.".

21. Seksyen 22 baru — Masukkan yang berikut:

"Kumpulan Penasihat Orang Terbilang

22. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu badan yang dikenali sebagai Kumpulan Penasihat Orang Terbilang.

(2) Fungsi Kumpulan Penasihat Orang Terbilang ialah untuk menasihati Universiti berkenaan dengan visi, misi dan prestasi Universiti.

(3) Tempoh dan terma pelantikan Kumpulan Penasihat Orang Terbilang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.".

22. Seksyen 16A — Nomborkan semula sebagai seksyen 23.

- subseksyen (14) baru — Masukkan selepas subseksyen (13) yang berikut:

"(14) Sebagai tambahan kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik di bawah peruntukan-peruntukan lain Akta, Lembaga hendaklah menubuhkan jawatankuasa bagi maksud yang berikut:

(a) pengurusan harta, aset dan amanah Universiti;

(b) pengurusan dan pengkomersialan harta intelek Universiti;

(c) memastikan kelestarian persekitaran dan kesejahteraan masyarakat;

(d) penilaian, penaksiran dan peningkatan prestasi pekerja Universiti; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(e) pengurusan program pemacuan bagi kecemerlangan Universiti.".

23. Seksyen 17 Nomborkan semula sebagai seksyen 24.

Gantikan dengan yang berikut:

"Senat

24. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) semua Timbalan Naib Canselor;

(c) semua Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian dan semua ketua Kampus Cawangan, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi Universiti;

(d) profesor sepenuh masa yang jumlahnya hendaklah bersamaan dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan *(c)*, yang hendaklah dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subseksyen (12); dan

(e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

(2) Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuklah mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat Senat dan mempunyai hak melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang diluluskan oleh Senat.

(3) Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat dan semasa ketidakhadiran Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik, mana-mana Timbalan Naib Canselor yang dipilih oleh Senat hendaklah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

mempengerusikan mesyuarat Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

(5) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(6) Kuorum bagi Senat hendaklah satu pertiga daripada keseluruhan ahlinya yang layak untuk mengundi.

(7) Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

(8) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah perenggan 4(3)*(b)* dan *(c)* dan subseksyen (7), Senat hendaklah melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa yang berikut:

(a) untuk menubuhkan Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu;

(b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;

(c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran, pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

(d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

(e) untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

(f) untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

(g) untuk mengawal selia penjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

(h) untuk menggubal dasar untuk melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional; dan

(i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.

(9) Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat boleh mewakilkan mana-mana daripada kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya kepada ahlinya dan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya bagi membantu dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya.

(10) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 21(2).

(11) Apa-apa pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai ruang lingkup dan takat fungsi atau kuasa mereka boleh dirujukkan oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut seksyen 40.

(12) Bagi maksud pemilihan ke Senat di bawah perenggan 24(1)*(d)*, Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, mewujudkan kelompok akademik; menetapkan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu dan memperuntukkan jumlah kerusi Senat yang dipegang oleh setiap kelompok.".

24. Seksyen 25 dan 26 baru

Masukkan yang berikut:

"Jawatankuasa Senat

25. Senat hendaklah menubuhkan jawatankuasa untuk tujuan berikut:

(a) penambahbaikan pedagogi dan latihan;

(b) penaksiran dan penilaian kursus;

(c) penggalakan penyelidikan dan penerbitan;

(d) memupuk hubungan dengan industri, masyarakat, institusi atau organisasi di dalam atau di luar Malaysia; dan

(e) pengurusan dan pengawalseliaan program francais.

Jawatankuasa Bersama Lembaga dan Senat

26. (1) Universiti boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama Lembaga dan Senat untuk membantu dalam pelaksanaan fungsi mereka berhubung dengan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan penyelidikan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, keanggotaan dan kuasa Jawatankuasa Bersama Lembaga dan Senat hendaklah ditetapkan oleh statut.".

25. Seksyen 17A

Nomborkan semula sebagai seksyen 27.

Gantikan dengan yang berikut:

"Jawatankuasa Pengurusan Universiti

27. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) semua Timbalan Naib Canselor;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) semua ketua Kampus Cawangan;

(d) Pendaftar;

(e) Bursar;

(f) Ketua Pustakawan;

(g) Penasihat Undang-Undang; dan

(h) mana-mana pekerja kanan lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.".

26. Seksyen 28 baru — Masukkan yang berikut:

"Jawatankuasa Pengurusan Kampus Cawangan

28. (1) Naib Canselor hendaklah melantik satu Jawatankuasa Pengurusan Kampus Cawangan untuk setiap Kampus Cawangan.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Kampus Cawangan hendaklah terdiri daripada ketua Kampus Cawangan sebagai pengerusi dan beberapa ahli lain yang dilantik oleh Naib Canselor.

(3) Jawatankuasa Pengurusan Kampus Cawangan hendaklah menasihati ketua Kampus Cawangan berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya dan berhubung dengan pelaksanaan keputusan Universiti.".

27. Seksyen 18 — Nomborkan semula sebagai seksyen 29.

Gantikan dengan yang berikut:

"Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi

29. (1) Universiti hendaklah dibahagikan kepada beberapa bilangan dan nama—

(a) Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi, dengan apa jua nama dipanggil, yang ditentukan oleh Senat; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) apa-apa bilangan dan nama pusat bukan akademik, dengan apa jua nama dipanggil, yang ditubuhkan oleh Lembaga.

(2) Universiti boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa Pengajian, menubuhkan jabatan atau unit atau badan lain berkenaan dengan sesuatu Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi.

(3) Sesuatu Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah bertanggungjawab kepada Senat bagi penyusunan pengajaran dan penyelidikan dalam mata pelajaran pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan apa-apa tugas lain yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

(4) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan pekerja akademik setiap Fakulti atau Pusat Pengajian, melantik seorang Dekan berkenaan dengan setiap satu Fakulti atau Pusat Pengajian dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan dan hendaklah memaklumkan Lembaga tentang pelantikan itu secepat yang mungkin.

(5) Dekan hendaklah menjadi pengerusi Fakulti atau Pusat Pengajian dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan dan jika Dekan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, adalah sah bagi Timbalan Dekan atau mana-mana ahli akademik kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor untuk menjalankan kewajipan Dekan itu selama tempoh ketidakupayaan itu.

(6) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan pekerja akademik setiap Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi, mempunyai kuasa untuk melantik seorang ketua bagi tiap-tiap satu Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi, dan ketua tersebut hendaklah diberikan gelaran yang ditetapkan oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan; dan jika ketua sesuatu Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Akademi tidak berupaya menjalankan kewajipannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, Naib Canselor boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh statut, melantik mana-mana ahli akademik kanan untuk menjalankan kewajipan itu selama tempoh ketidakupayaan itu.

(7) Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan pekerja pusat bukan akademik, mempunyai kuasa untuk melantik seorang ketua bagi tiap-tiap satu pusat bukan akademik, dan seseorang ketua itu hendaklah diberikan gelaran yang ditentukan oleh Lembaga; dan jika ketua sesuatu pusat bukan akademik itu tidak berupaya menjalankan kewajipannya oleh sebab ketidakhadirannya atau apa-apa sebab lain, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pegawai kanan untuk menjalankan kewajipan itu selama tempoh ketidakupayaan itu.

(8) Seseorang Dekan, seseorang Timbalan Dekan sesuatu Fakulti atau Pusat Pengajian, ketua sesuatu Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi dan ketua pusat bukan akademik yang dilantik di bawah subseksyen (4), (5), (6) atau (7) mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilantik selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, tetapi layak dilantik semula.

(9) Walau apa pun subseksyen (8), Naib Canselor boleh, jika difikirkannya patut menamatkan apa-apa pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (4), (5), (6) atau (7) pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan itu dengan menyatakan sebab bagi penamatan itu.".

28. Seksyen 30 dan 31 baru

Masukkan yang berikut:

"Majlis Akademik Fakulti, dsb.

30. (1) Setiap Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah menubuhkan Majlis Akademik yang terdiri daripada—

(a) Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian itu, atau ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu sebagai pengerusi;

(b) semua Timbalan Dekan dan pengerusi program akademik dan penyelidikan; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) semua ahli akademik sepenuh masa Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu.

(2) Kuorum bagi Majlis Akademik hendaklah satu pertiga daripada ahli Majlis Akademik.

(3) Majlis Akademik boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuklah mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat Majlis Akademik dan mempunyai hak untuk melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis Akademik.

(4) Majlis Akademik hendaklah menasihati dan membantu Senat berhubung dengan fungsi Senat di bawah Perlembagaan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Fakulti, dsb.

31. (1) Naib Canselor hendaklah melantik Jawatankuasa Pengurusan bagi setiap Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah terdiri daripada Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian itu atau ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi itu sebagai pengerusi dan ahli lain Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi sebagaimana yang dilantik oleh Naib Canselor.

(3) Jawatankuasa Pengurusan Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah menasihati Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian atau ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan atau Akademi mengenai fungsi pentadbiran dan pengurusannya dan berhubung dengan pelaksanaan keputusan Universiti.”.

29. Seksyen 19 — Nomborkan semula sebagai seksyen 32.

Gantikan dengan yang berikut:

“Jawatankuasa Pengajian

32. Suatu Jawatankuasa Pengajian boleh dilantik oleh

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

Senat bagi salah satu maksud yang berikut:

(a) untuk menguruskan perkara berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi; dan

(b) untuk menimbangkan cadangan yang dirujukkan kepadanya oleh Senat bagi penubuhan Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang baru,

dan dalam mana-mana satu hal, Jawatankuasa Pengajian hendaklah membuat laporan mengenainya kepada Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi, atau kepada Senat, mengikut kehendak keadaan.".

30. Seksyen 20 — Nomborkan semula sebagai seksyen 33.

Gantikan dengan yang berikut:

"Jawatankuasa Pemilih

33. (1) Jawatankuasa Pemilih bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan dan profesor hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;

(c) Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian atau ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang baginya kursi atau profesor itu diuntukkan; dan

(d) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(2) Jawatankuasa Pemilih bagi maksud pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Aduan dan Juruaudit Dalaman hendaklah terdiri daripada—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga; dan

(c) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

(3) Jawatankuasa Pemilih bagi mengesyorkan pelantikan atau kenaikan pangkat ahli akademik selain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terdiri daripada—

(a) Timbalan Naib Canselor yang bertanggung jawab bagi hal ehwal akademik atau semasa ketiadaannya atas apa jua sebab, mana-mana Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) dua orang ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan

(c) Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian atau ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi yang baginya ahli akademik itu diuntukkan.

(4) Jawatankuasa Pemilih bagi mengesyorkan pelantikan atau kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional hendaklah terdiri daripada—

(a) Pendaftar, yang hendaklah menjadi pengerusi; dan

(b) tiga orang pegawai Universiti yang dilantik oleh Lembaga.

(5) Jawatankuasa Pemilih bagi mengesyorkan pelantikan atau kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah terdiri daripada—

(a) Pendaftar yang hendaklah menjadi pengerusi; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) tiga orang pekerja Universiti yang dilantik oleh Lembaga.

(6) Pengerusi jawatankuasa hendaklah melantik seorang setiausaha daripada kalangan pekerja Universiti.

(7) Penyertaan pakar luar dalam membuat pelantikan boleh ditetapkan oleh peraturan-peraturan.".

31. Seksyen 20A — Nomborkan semula sebagai seksyen 34.

- perenggan (1)*(e)* — Gantikan dengan yang berikut:

"*(e)* seorang ahli daripada setiap kesatuan pekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persatuan pekerja Universiti.".

32. Seksyen 21 — Nomborkan semula sebagai seksyen 35.

Gantikan dengan yang berikut:

"Jawatankuasa Kebajikan Pelajar

35. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;

(b) seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;

(c) Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pelajar dan pembangunan pelajar;

(d) dua orang ahli yang dipilih oleh Dewan Perundingan Pelajar; dan

(e) mana-mana ahli lain yang dilantik oleh Lembaga.

(2) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah mempunyai fungsi yang ditetapkan oleh statut.".

33. Seksyen 22 — Nomborkan semula sebagai seksyen 36.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

- nota bahu	Potong perkataan ”Persatuan Siswazah atau”.
- subseksyen (1), (2) dan (3)	Potong perkataan ”Persatuan Siswazah atau”.
34. Seksyen 23	Nomborkan semula sebagai seksyen 37.
- subseksyen (1)	Gantikan perkataan “kecuali ahli *ex-officio”* dengan perkataan “selain ahli *ex-officio”*.
- perenggan 1*(a)*	Dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “berhenti” dengan perkataan “terhenti”.
- perenggan 1(*b*) dan subseksyen (2)	Dalam teks bahasa Inggeris, potong perkataan “otherwise”.
35. Seksyen 23A	Nomborkan semula sebagai seksyen 38.
- subseksyen (2)	Dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “their number” dengan perkataan “them”.
36. Seksyen 24	Nomborkan semula sebagai seksyen 39.
- subseksyen (2)	Dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “chairman” dengan perkataan “Chairman of the Authority”.
37. Seksyen 24A	Nomborkan semula sebagai seksyen 40.
- subseksyen (2)	Dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “persons” dengan perkataan “figure”.
38. Seksyen 25	Nomborkan semula sebagai seksyen 41.

Gantikan dengan yang berikut:

“Statut

41. Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut boleh dibuat untuk menguruskan mana-mana atau segala perkara yang berikut:

(a) kuasa dan kewajipan pegawai Universiti;

(b) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Pihak Berkuasa;

(c) penganugerahan profesor emeritus;

(d) penetapan ijazah, diploma, sijil dan kepujian

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

akademik lain yang akan diberikan oleh Universiti;

(e) pengurusan Kampus Cawangan, Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi;

(f) segala perkara lain yang boleh dikawal selia dengan statut di bawah Perlembagaan ini; dan

(g) perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada perkara yang tersebut di atas.".

39. Seksyen 26 Nomborkan semula sebagai seksyen 42.

Gantikan dengan yang berikut:

"Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan statut

42. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, Canselor boleh membuat, membatalkan atau meminda mana-mana statut.

(2) Cadangan untuk membuat sesuatu statut baru, atau membatalkan atau meminda sesuatu statut, hendaklah disediakan oleh Lembaga.

(3) Sesuatu cadangan bagi sesuatu statut baru atau bagi apa-apa pindaan kepada sesuatu statut, mengenai mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

(a) kuasa dan kewajipan Dekan sesuatu Fakulti atau Pusat Pengajian atau ketua sesuatu Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi berhubungan dengan perkara-perkara akademik;

(b) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Senat, Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan, Akademi atau Jawatankuasa Pengajian;

(c) penetapan ijazah, diploma dan kepujian akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut,

tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan bertulis Senat.".

40. Seksyen 27 — Nomborkan semula sebagai seksyen 43.

41. Seksyen 28 — Nomborkan semula sebagai seksyen 44.

- perenggan (2)*(a)* — Gantikan perkataan "perenggan 27*(a)*, *(b)*, *(c)*, *(d)* dan *(i)*" dengan perkataan "perenggan 43*(a)*, *(b)*, (*c)* dan *(d)*".

42. Seksyen 45 baru — Masukkan yang berikut:

"Lembaga boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

45. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Lembaga boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, surat pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

(2) Apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, surat pekeliling dan arahan yang diguna pakai di bawah subseksyen (1) boleh, dari semasa ke semasa, dipinda atau dibatalkan oleh Lembaga sewajarnya.".

43. Seksyen 29 — Nomborkan semula sebagai seksyen 46.

Gantikan dengan yang berikut:

"Peraturan-peraturan

46. (1) Pihak Berkuasa Universiti boleh membuat peraturan-peraturan bagi tatacaranya sendiri.

(2) Lembaga boleh selepas berunding dengan Senat membuat peraturan-peraturan bagi tatacara Jawatankuasa Pemilih.

(3) Senat boleh membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara sesuatu Fakulti atau Pusat Pengajian, sesuatu Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan, Akademi atau Jawatankuasa Pengajian, atau mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tertakluk kepada bidang kuasa Senat.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Senat boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan kursus pengajian dan kaedah penilaian.".

44. Seksyen 30 — Nomborkan semula sebagai seksyen 47.

45. Seksyen 31 — Nomborkan semula sebagai seksyen 48.

46. Seksyen 49 baru — Masukkan yang berikut:

"Pendapatan dan perolehan selain bantuan wang

49. Melainkan bantuan wang yang diberi oleh Parlimen kepada Universiti di bawah seksyen 11 Akta–

(a) segala pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, pemberian wang, legasi dan derma kekal;

(b) pendapatan daripada mana-mana harta alih atau tak alih termasuklah sewaan, pajakan dan pendapatan terbitan;

(c) segala keuntungan dan perolehan daripada pelaburan dalam hartanah atau sekuriti;

(d) segala pendapatan daripada penyelidikan dan perundingan;

(e) segala royalti dan perolehan daripada paten, cap dagangan dan harta intelek lain;

(f) segala pendapatan dan keuntungan daripada penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, akujanji atau apa jua bentuk kerjasama atau aturan di bawah seksyen 5;

(g) segala fi yang dituntut dan diterima daripada pelesenan, pemindahan teknologi dan pengkomersialan;

(h) segala fi yang diterima daripada pelajar;

(i) segala tabung alumni; dan

(j) apa-apa pendapatan yang dihasilkan, dijanakan, diperoleh atau diterima oleh Universiti melalui usaha, inisiatif dan keusahawanannya,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

hendaklah disalurkan kepada satu atau lebih akaun khas yang dikawal dan ditadbir oleh Universiti menurut mana-mana kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Lembaga.".

47. Seksyen 32 — Nomborkan semula sebagai seksyen 50.

Gantikan dengan yang berikut:

"Jawatankuasa Tetap Kewangan

50. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Tetap Kewangan bagi mengatur dan mengawal kewangan Universiti.

(2) Terma rujukan Jawatankuasa Tetap Kewangan hendaklah ditentukan oleh Lembaga.".

48. Seksyen 33 — Nomborkan semula sebagai seksyen 51.

49. Seksyen 34 — Nomborkan semula sebagai seksyen 52.

- subseksyen (2) — Gantikan perkataan "Lembaga" dengan perkataan "Universiti".

Gantikan perkataan "penyata tahunan" dengan perkataan "penyata kewangan tahunan".

- subseksyen (3) — Gantikan perkataan "Penyata tahunan" dengan perkataan "Penyata kewangan tahunan".

50. Seksyen 35 — Nomborkan semula sebagai seksyen 53.

51. Seksyen 36 — Nomborkan semula sebagai seksyen 54.

52. Seksyen 37 — Nomborkan semula sebagai seksyen 55.

Gantikan dengan yang berikut:

" Tiada perbelanjaan boleh dilakukan melainkan jika termasuk dalam anggaran

55. (1) Lembaga tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak termasuk dalam sesuatu anggaran yang diluluskan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perlembagaan ini, Lembaga boleh—

(a) memindahkan segala atau mana-mana bahagian wang yang

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

diuntukkan kepada satu butiran perbelanjaan berulang tahunan kepada butiran perbelanjaan berulang tahunan yang lain;

(b) memindahkan segala atau mana-mana bahagian wang yang diuntukkan kepada satu butiran perbelanjaan modal tahunan kepada butiran perbelanjaan modal tahunan yang lain;

(c) dengan kebenaran Menteri menurut subseksyen 11(2) Akta, memindahkan mana-mana bahagian wang yang tertentu dan tidak digunakan bagi maksud perbelanjaan berulang tahunan Universiti kepada butiran perbelanjaan modal;

(d) memindahkan mana-mana baki perbelanjaan berulang tahunan kepada suatu butiran atau butiran-butiran perbelanjaan berulang tahunan tahun yang berikutnya; dan

(e) memindahkan mana-mana baki wang perbelanjaan modal kepada suatu butiran atau butiran-butiran perbelanjaan modal tahun yang berikutnya.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi—

(a) wang yang didepositkan dengan Universiti oleh mana-mana orang jika, menurut syarat deposit itu, mana-mana wang itu telah genap masanya untuk dibayar balik;

(b) wang yang dipungut dan dikreditkan kepada Kumpulan Wang Universiti secara silap;

(c) wang yang kena dibayar oleh Universiti menurut apa-apa penghakiman atau perintah mahkamah;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) wang yang dibelanjakan oleh Universiti bagi membawa atau membela prosiding di sisi undang-undang; dan

(e) perbelanjaan yang berbangkit daripada apa-apa harta atau wang yang disebut dalam seksyen 57.".

53. Seksyen 38 — Nomborkan semula sebagai seksyen 56.

54. Seksyen 39 — Nomborkan semula sebagai seksyen 57.

55. Seksyen 40 — Nomborkan semula sebagai seksyen 58.

56. Seksyen 41 — Nomborkan semula sebagai seksyen 59.

Potong perkataan "pegawai atau".

57. Seksyen 43 — Nomborkan semula sebagai seksyen 60.

Gantikan dengan yang berikut:

"Audit

60. (1) Akaun Universiti hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit luar yang dilantik oleh Lembaga.

(2) Akaun yang diaudit, serta apa-apa pemerhatian yang dibuat mengenainya oleh juruaudit, hendaklah dibentangkan kepada Menteri.

(3) Sebagai tambahan kepada kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah melantik Juruaudit Dalaman bagi menjalankan audit kewangan dan pentadbiran Universiti.

(4) Juruaudit Dalaman hendaklah menyiasat mana-mana perkara yang dirujuk oleh Lembaga, Naib Canselor atau mana-mana jawatankuasa Lembaga dan hendaklah membuat laporan terus kepada Lembaga.

(5) Terma rujukan dan terma dan syarat perkhidmatan Juruaudit Dalaman hendaklah ditetapkan oleh Lembaga.".

58. Bahagian VII baru — Masukkan yang berikut:

"BAHAGIAN VII
HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR"

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

59. Seksyen 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72 dan 73 baru

Masukkan yang berikut:

"Hal ehwal pelajar dan pembangunan pelajar

61. (1) Naib Canselor hendaklah menetapkan seorang Timbalan Naib Canselor untuk bertanggungjawab bagi hal ehwal pelajar dan pembangunan pelajar.

(2) Timbalan Naib Canselor tersebut hendaklah bertanggungjawab bagi perkara mengenai kebajikan pelajar dan pembangunan pelajar seperti yang ditetapkan oleh Naib Canselor.

Menerima masuk pelajar

62. (1) Seseorang pelajar tidak boleh diterima masuk ke Universiti dalam sesuatu kursus pengajian untuk sesuatu ijazah melainkan jika dia telah memenuhi kehendak yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, merujuk kepada Universiti untuk pertimbangannya, pelajar yang telah diberi biasiswa Persekutuan atau biasiswa Negeri, pinjaman atau bantuan kewangan serupa itu yang lain daripada dana awam.

Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelajar Universiti

63. (1) Pihak berkuasa tatatertib Universiti berkenaan dengan tiap-tiap pelajar Universiti ialah Naib Canselor.

(2) Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa tatatertib di bawah subseksyen (1), hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah tatatertib yang boleh dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 16C Akta.

(3) Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajipannya berkaitan tatatertib kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa orang daripada Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.

(4) Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa mana-mana orang daripada Universiti yang telah diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

kewajipan di bawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan kepada pelajar secara bertulis alasan bagi tindakan yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.

(5) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti dalam mana-mana prosiding tatatertib peringkat pertama yang diambil terhadapnya.

(6) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib peringkat pertama yang diambil terhadapnya.

(7) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa mana-mana orang daripada Universiti, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.

(8) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa orang daripada Universiti, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (7) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (9).

(9) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh pelajar di bawah subseksyen (8).

(10) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Lembaga, dua orang daripadanya hendaklah daripada kalangan ahlinya dan seorang lagi daripada Universiti.

(11) Lembaga hendaklah melantik mana-mana ahlinya yang disebut dalam subseksyen (10) untuk menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(12) Tiada seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(13) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (8) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(14) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (9) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa enam puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan.

(15) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.

Dewan Perundingan Pelajar

64. (1) Dewan Perundingan Pelajar hendaklah terdiri daripada yang berikut:

(a) Majlis Perwakilan Pelajar yang dipilih mengikut seksyen 70; dan

(b) wakil badan pelajar yang dipilih ke Dewan Perundingan Pelajar mengikut subseksyen 71(2).

(2) Mana-mana mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar hendaklah dibuka kepada mana-mana pelajar berdaftar Universiti, kecuali pelajar luar.

(3) Peranan Dewan Perundingan Pelajar adalah untuk menyediakan suatu forum perundingan antara pelajar dengan wakil mereka atas segala perkara mengenai kebajikan pelajar dan pembangunan pelajar serta untuk membantu kebertanggungjawaban dan akauntabiliti melalui sesi soal jawab, debat dan usul yang dibangkitkan di dalam Dewan Perundingan Pelajar.

(4) Lembaga boleh, melalui peraturan-peraturan, menetapkan tatacara mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar, kuorum, debat dan usul dan pemfailan soalan bertulis dan lisan oleh pelajar kepada wakil mereka.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Speaker Dewan Perundingan Pelajar

65. Dewan Perundingan Pelajar hendaklah, semasa mesyuaratnya yang pertama, memilih seorang Speaker dan seorang Timbalan Speaker yang sama ada ahli Majlis Perwakilan Pelajar di bawah subseksyen 70(5) atau wakil yang dipilih dari badan pelajar di bawah subseksyen 71(2).

Setiausaha Dewan Perundingan Pelajar

66. Setiausaha Majlis Perwakilan Pelajar hendaklah menjadi Setiausaha Dewan Perundingan Pelajar.

Minit mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar

67. (1) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha Dewan Perundingan Pelajar untuk merekod minit mesyuarat dan mengemukakan minit tersebut kepada Speaker.

(2) Apabila disahkan dan ditandatangani oleh Speaker, minit mesyuarat itu hendaklah dikemukakan kepada Naib Canselor untuk pertimbangannya.

(3) Minit mesyuarat hendaklah terbuka bagi pemeriksaan oleh semua pelajar berdaftar.

Mesyuarat biasa

68. Dewan Perundingan Pelajar hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua kali dalam tiap-tiap tahun akademik pada tarikh, masa dan di tempat yang akan ditentukan oleh Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar.

Mesyuarat luar biasa

69. (1) Sekiranya terdapat permintaan secara bertulis untuk mengadakan satu mesyuarat luar biasa Dewan Perundingan Pelajar oleh tidak kurang daripada dua ribu pelajar berdaftar Universiti, Naib Canselor hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyerahan permintaan itu, mengadakan suatu mesyuarat luar biasa Dewan Perundingan Pelajar.

(2) Notis untuk mengadakan mana-mana mesyuarat luar biasa hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat itu dan tidak ada perkara lain boleh dibincangkan dalam mesyuarat itu selain perkara yang dinyatakan dalam notis itu.

Majlis Perwakilan Pelajar

70. (1) Pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah secara bersama menjadi suatu badan yang dinamai Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti (disebut

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Kesatuan" dalam Perlembagaan ini).

(2) Setiap pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah layak untuk bertanding satu kerusi di dalam Majlis Perwakilan Pelajar (disebut "MPP" dalam Perlembagaan ini) dan mana-mana badan pelajar lain melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (9) dan (10).

(3) Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan bagi pelaksanaan pemilihan MPP dan segala perkara yang berhubungan dengan pemilihan itu.

(4) Tempoh jawatan ahli MPP dan pemegang jawatannya hendaklah selama satu tahun dari tarikh pemilihan mereka di bawah subseksyen (5).

(5) Tidak kurang daripada empat puluh lima hari selepas permulaan sesuatu tahun akademik, Kesatuan hendaklah memilih MPP, melalui undi rahsia yang dijalankan oleh pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu mengikut cara berikut:

(a) pelajar berdaftar setiap Kampus Cawangan, Fakulti atau Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah memilih sebilangan pelajar berdaftar untuk menjadi wakil mereka di dalam MPP sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan

(b) pelajar berdaftar secara keseluruhannya hendaklah memilih sebilangan pelajar berdaftar untuk menjadi wakil mereka dalam MPP, sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, dan bilangan pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan *(a).*

(6) MPP hendaklah memilih daripada kalangan ahlinya seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari, yang hendaklah hanya menjadi pemegang jawatannya, melainkan jika dibenarkan selainnya secara bertulis oleh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Naib Canselor; pemegang jawatan yang dibenarkan sedemikian oleh Naib Canselor hendaklah dipilih daripada ahli MPP.

(7) Keputusan MPP hendaklah diambil mengikut undi majoriti dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli hadir dan mengundi.

(8) MPP boleh, dari semasa ke semasa, dengan mendapat kelulusan secara bertulis daripada Naib Canselor terlebih dahulu, membentuk jawatankuasa *ad hoc* dan melantik ahli daripada kalangan ahlinya bagi maksud atau tujuan tertentu.

(9) Tiada seseorang pelajar yang terhadapnya keputusan prosiding tatatertib masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, boleh dipilih atau kekal menjadi seorang ahli MPP atau seorang pemegang jawatan bagi mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar, melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

(10) Mana-mana pelajar yang telah memenuhi keperluan yang ditentukan oleh Universiti sebelum sahaja apa-apa cadangan pemilihan ke atau oleh MPP atau ke atau oleh mana-mana organisasi atau badan pelajar, adalah layak bertanding atau dipilih dalam mana-mana pemilihan itu.

(11) Tujuan dan fungsi MPP adalah:

(a) untuk memupuk semangat hidup bermasyarakat di kalangan pelajar-pelajar Universiti;

(b) tertakluk kepada arahan Naib Canselor, untuk menyusun dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan dan pembekalan makanan dan minuman;

(c) membuat rayuan kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubungan dengan atau berkenaan dengan keadaan hidup dan kerja pelajar Universiti;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) untuk menyertai mana-mana mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar;

(e) diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti kebajikan pelajar di Universiti; dan

(f) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang ditetapkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

(12) Kesatuan atau MPP tidak boleh menyenggarakan apa-apa dana atau membuat apa-apa pemungutan wang atau harta daripada apa-apa jua punca pun, tetapi apa-apa perbelanjaan yang berpatutan yang boleh dilakukan oleh MPP boleh dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor untuk dilakukan, boleh dibayar oleh Universiti jika tuntutan bertulis yang berpatutan yang disokong dengan resit dan baucar dikemukakan oleh MPP kepada Naib Canselor dan diluluskan oleh Naib Canselor.

(13) Bendahari hendaklah menyimpan akaun MPP dengan sepatutnya dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhir tiap-tiap tahun kewangan, iaitu suatu tahun kewangan yang ditentukan oleh Naib Canselor, suatu salinan akaun tersebut yang diaudit oleh seorang yang dilantik oleh Naib Canselor hendaklah dikemukakan oleh MPP kepada Naib Canselor untuk diluluskan.

(14) MPP hendaklah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi kewajipan Setiausaha menyimpan minit tiap-tiap mesyuarat MPP dan minit itu hendaklah disahkan dalam suatu mesyuarat yang berikutnya.

(15) Bagi maksud seksyen ini—

"tahun akademik" ertinya suatu tempoh tertentu yang ditentukan oleh Senat;

"peperiksaan" termasuklah apa-apa cara atau bentuk penilaian yang akan memberikan suatu markah atau gred untuk sesuatu kursus atau sebahagian daripada

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

kursus tertentu;

"pelajar luar" ertinya seseorang pelajar berdaftar di kampus di luar Malaysia atau pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, program sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan

"pelajar berdaftar" ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuklah diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar.

(16) Seorang pelajar berdaftar hendaklah terhenti menjadi pelajar berdaftar di bawah seksyen ini—

(a) apabila disiarkan keputusan peperiksaan akhir bagi kursus pengajian itu, jika dia lulus peperiksaan itu; atau

(b) apabila disiarkan keputusan mana-mana peperiksaan bagi kursus pengajian itu, jika dia gagal dalam peperiksaan itu, sehingga dia, kemudiannya, didaftarkan sekali lagi bagi kursus pengajian itu atau kursus pengajian lain yang berkenaan dengan seseorang pelajar berdaftar di bawah seksyen ini.

Penubuhan badan pelajar lain

71. (1) Walau apa pun seksyen 70, adalah sah di sisi undang-undang bagi tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar Universiti dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Naib Canselor, untuk menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar Universiti bagi memajukan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu dalam Universiti.

(2) Badan pelajar yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam mesyuarat agung tahunannya memilih pemegang jawatannya. Ketua badan pelajar itu hendaklah memilih dalam kalangan mereka melalui undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu, sebilangan tertentu wakil ke Dewan Perundingan Pelajar yang ditentukan oleh Naib Canselor, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan 70(5)*(a)*.

(3) Subseksyen 70(2), (3), (4), (6), (7), (8), (9), (10), (12), (13), (14), (15) dan (16) adalah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen ini sebagaimana subseksyen itu terpakai bagi MPP.

Kuasa untuk menggantung ahli atau pemegang jawatan

72. (1) Sekiranya seseorang ahli MPP atau pemegang jawatan sesuatu badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 71 melakukan sesuatu dengan cara, yang pada pendapat Naib Canselor, memudaratkan atau menjejaskan kesejahteraan atau reputasi Universiti atau bertindak secara bertentangan dengan Perlembagaan atau perlembagaan MPP atau perlembagaan mana-mana badan pelajar yang lain, atau mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Universiti, Naib Canselor boleh, selepas memberi ahli atau pemegang jawatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, peluang untuk membuat representasi secara bertulis—

(a) menggantung ahli MPP atau pemegang jawatan badan pelajar itu daripada jawatannya; dan

(b) memulakan prosiding tatatertib terhadap ahli MPP atau pemegang jawatan itu.

(2) Subseksyen (1) adalah tambahan kepada dan bukan pengurangan kuasa seksyen 16 Akta.

Pelucutan ijazah, dsb., atas alasan salah laku

73. (1) Jika Senat berpendapat bahawa mana-mana mahasiswa Universiti atau mana-mana orang yang telah menerima sesuatu ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain daripada Universiti bersalah atas perbuatan melampau, maka adalah sah bagi Canselor, atas syor tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua ahli Senat, selepas memberikan peluang untuk didengar kepada mahasiswa itu atau orang yang berkenaan, untuk melucutkan apa-apa ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain yang diberikan kepadanya oleh Universiti.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Perbuatan melampau dalam subseksyen (1) ertinya dengan sengaja memberi mana-mana pegawai, pekerja atau Pihak Berkuasa Universiti apa-apa maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material untuk mendapatkan ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain daripada Universiti itu.".

60. Bahagian VI — Nomborkan semula sebagai Bahagian VIII.

61. Seksyen 74 baru — Masukkan yang berikut:

"Penganugerahan status program pemacuan bagi kecemerlangan

74. (1) Penganugerahan status program pemacuan bagi kecemerlangan kepada Universiti oleh Menteri adalah tertakluk kepada syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Universiti di bawah program pemacuan bagi kecemerlangan hendaklah dikenali sebagai Universiti APEX.

(3) Untuk melanjutkan status Universiti sebagai Universiti APEX, Menteri hendaklah menyediakan bantuan yang difikirkan patut.".

62. Seksyen 44 — Nomborkan semula sebagai seksyen 75.

63. Seksyen 45 — Nomborkan semula sebagai seksyen 76.

Gantikan dengan yang berikut:

"Pelantikan ahli akademik dan pekerja

76. (1) Semua orang yang diambil kerja atau akan diambil kerja oleh Universiti sebagai ahli akademik dan semua pegawai di bawah seksyen 15, hendaklah dilantik sebagai yang demikian oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(2) Semua orang yang diambil kerja atau akan diambil kerja oleh Universiti kecuali orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Lembaga.

(3) Tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti hendaklah memegang jawatan mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dan terma dan syarat yang akan ditetapkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai termasuk peruntukan—

(a) yang berhubungan dengan kewajipan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

mengajar, memeriksa, menyelia dan kewajipan lain yang seumpamanya, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dipinda dari semasa ke semasa; dan

(b) berhubung dengan semua terma dan syarat perkhidmatan yang lain, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada tarikh dia mula bekerja.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini melarang Lembaga daripada membuat apa-apa kontrak khas bagi perkhidmatan dengan seseorang termasuk fellow pascakedoktoran dan pensyarah pelatih jika Lembaga berpendapat adalah suai manfaat untuk berbuat demikian.".

64. Seksyen 46 — Nomborkan semula sebagai seksyen 77.

- subseksyen (1) — Gantikan perkataan "seksyen 20 dan 45" dengan perkataan "seksyen 33 dan 76.".

65. Seksyen 46A — Nomborkan semula sebagai seksyen 78.

Gantikan dengan yang berikut:

"Semua pelantikan hendaklah tertakluk kepada Akta dan perundangan subsidiari di bawahnya

78. Walau apa pun seksyen 33, 76 dan 77 atau apa-apa peruntukan lain Perlembagaan ini, tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti, termasuklah profesor yang dilantik di bawah seksyen 77, hendaklah memegang jawatan tertakluk kepada peruntukan Akta dan apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya dan terma dan syarat pengambilan kerja atau pelantikan mereka hendaklah disifatkan sebagai termasuk peruntukan yang bermaksud demikian itu.".

66. Seksyen 52 — Nomborkan semula sebagai seksyen 79.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

67. Seksyen 80, 81, 82 dan 83 baru

Masukkan yang berikut:

"Persoalan tentang pemilihan, dsb.

80. Jika berbangkit apa-apa persoalan sama ada seseorang telah dipilih, dilantik atau dicalonkan menjadi ahli atau pun berhak menjadi atau terus menjadi ahli bagi mana-mana Pihak Berkuasa atau badan lain Universiti, persoalan itu hendaklah dirujukkan kepada Pihak Berkuasa atau orang yang bertanggungjawab terhadap pemilihan, pelantikan atau pencalonan dan keputusan Pihak Berkuasa atau orang itu adalah muktamad.

Perlindungan kepada pegawai, dsb., yang membuat pendedahan

81. (1) Kecuali dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau suatu perintah mahkamah, seseorang ahli Lembaga, Naib Canselor, pekerja, agen atau pelajar Universiti tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Universiti yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai kepada pekerja, agen atau pelajar Universiti yang—

(a) mendedahkan atau mengugut untuk mendedahkan kepada pihak berkuasa awam, Pihak Berkuasa Universiti atau pegawai atasan, apa-apa aktiviti, dasar atau amalan Universiti atau pekerja Universiti yang pekerja, agen atau pelajar itu secara munasabah dan suci hati percaya telah melanggar mana-mana undang-undang atau menimbulkan syak wasangka yang munasabah terhadap sesuatu salah laku, fraud atau rasuah; atau

(b) secara suci hati menyediakan maklumat atau memberi keterangan di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang mengendalikan siasatan, pendengaran atau inkuiri.

(3) Pegawai atau agen yang membuat apa-apa pendedahan di bawah subseksyen (2) tidaklah tertakluk kepada apa-apa pemberhentian kerja, penamatan, penggantungan, penurunan pangkat, tindakan tatatertib atau diskriminasi atau menanggung kerugian terhadap

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

pekerjaan atau punca pendapatannya.

(4) Tiada pelajar boleh dikenakan apa-apa tindakan tatatertib atau terjejas kedudukannya disebabkan apa-apa pendedahan yang dibuat atau maklumat yang disediakan olehnya di bawah subseksyen (2).

Audit lain

82. Walau apa pun audit di bawah seksyen 60, Lembaga boleh, selepas berunding dengan Naib Canselor, mengenai perkara di bawah fungsi dan kuasanya, memberikan arahan supaya apa-apa audit lain dijalankan terhadap apa-apa perkara yang difikirkannya patut.

Pemansuhan

83. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia yang diwartakan melalui *P.U. (A) 107/1998* pada 11 Mac 1998 dimansuhkan.".

68. Bahagian IX baru — Masukkan yang berikut:

"BAHAGIAN IX
PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN"

69. Seksyen 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91 dan 92 baru — Masukkan yang berikut

"Tafsiran

84. Dalam Bahagian ini—

"Perlembagaan yang dimansuhkan" ertinya Perlembaggan Universiti Sains Malaysia yang telah diwartakan melalui *P.U. (A) 107/1998* dan dimansuhkan di bawah seksyen 83 Perlembagaan ini;

"Pihak Berkuasa" ertinya Pihak Berkuasa Universiti di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan; dan

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh Perlembagaan ini mula berkuat kuasa.

Kesahan tindakan oleh Universiti

85. Apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan kerja yang telah disempurnakan oleh Lembaga di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat di bawah Perlembagaan ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Hak, dsb., Pihak Berkuasa tidak terjejas

86. (1) Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, turun kepada dan disifatkan sebagai hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

(2) Segala aku janji yang diberikan oleh, dan perkara yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dijalankan oleh atau diteruskan di hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

(3) Segala tanggungan sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Pihak Berkuasa di bawah Perlembagaan ini.

Kuasa yang diwakilkan

87. Segala kuasa yang diwakilkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang perwakilan itu selaras dengan Perlembagaan ini, disifatkan telah diwakilkan di bawah Perlembagaan ini.

Kecualian statut, dsb.

88. Segala statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, notis, borang dan surat beri kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perisytiharan, perintah, notis, borang dan surat beri kuasa itu selaras dengan, atau sehingga digantikan atau dibatalkan oleh, peruntukan Perlembagaan ini.

Penerusan perkhidmatan

89. Tertakluk kepada Perlembagaan ini, semua orang yang, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, telah dilantik atau diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada dan selepas tarikh itu disifatkan telah dilantik atau diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan ini atas terma dan syarat yang sama di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Pelajar Universiti

90. Semua pelajar yang sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan telah diterima masuk untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan dan, pada tarikh yang ditetapkan masih lagi mengikuti kursus pengajian, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diterima masuk di bawah Perlembagaan ini.

Penerusan MPP dan badan pelajar lain

91. (1) MPP dan badan pelajar yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini.

(2) Pelajar yang menjadi ahli MPP dan badan pelajar di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, setakat yang mereka layak menjadi pelajar berdaftar di bawah seksyen 70 Perlembagaan ini, kekal menjadi ahli MPP dan badan pelajar itu dengan apa jua nama yang digelar.

(3) Ahli yang dipilih untuk memegang jawatan di dalam MPP dan badan pelajar lain di bawah Perlembagaan yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, dianggap memegang jawatan di dalam MPP dan badan pelajar, dengan apa jua nama yang digelar, di bawah Perlembagaan ini dan hendaklah memegang jawatan sehingga suatu tarikh pemilihan baru dibuat di bawah subseksyen 70(5) atau 71(2) Perlembagaan ini.

Penerusan prosiding tatatertib

92. Sekiranya apabila berkuat kuasanya Perlembagaan ini, suatu prosiding tatatertib ke atas seseorang pelajar Universiti sedang berjalan, prosiding berkenaan hendaklah diteruskan di bawah dan menurut peruntukan undang-undang yang terpakai pada masa permulaan prosiding tatatertib.".

70. Jadual Kedua	Potong perkataan "Kedua"
- tajuk	Gantikan perkataan "[Seksyen 12(3) Perlembagaan]" dengan perkataan "[Subseksyen 17(3)]".
- perenggan 4	Gantikan perkataan "Akta" dengan perkataan "Perlembagaan".
- perenggan 5	Gantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Lembaga.".

Dibuat 2 Jun 2011
[KPT.U. (S)100-1/2/1Jld 6; PN(PU^2)75B/III]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (VARIATION OF, AND ADDITION TO, THE CONSTITUTION) (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by paragraph 26*(b)* of the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Universities and University Colleges (Variation of, and Addition to, the Constitution) (Universiti Sains Malaysia) Order 2011** and is deemed to have come into operation on 1 February 2009.

Variation and addition described in the Schedule

2. The provisions of the Constitution as specified in column (1) of the Schedule are amended in the manner described in column (2) for the purpose of its application to the Constitution of the Universiti Sains Malaysia.

SCHEDULE

